

TEMPAT TUMPUAN

Perebutan kerusi parlimen di kawasan ini menjadi tumpuan kerana ia melibatkan Menteri Kesihatan Malaysia dan 'orang kuat' Umno-Barisan Nasional, Encik Khairy Jamaluddin yang telah diarahkan meninggalkan kubu sokongan di Rembau, Pulau Pinang, untuk bertanding di sini.

Encik Khairy telah menjalankan kempen lantik yang memberi tumpuan kepada isu yang dihadapi penduduk di kawasan itu.

Beliau juga telah diterima dengan tangan terbuka di beberapa tempat yang dilawatinya. Namun, menjawab pertanyaan Berita Harian, Encik Khairy berkata beliau masih menganggap dirinya 'underdog' di tempat ini.



SUNGAI BULOH, SELANGOR Jumlah Pengundi: 158,090

CALON: • Encik Khairy Jamaluddin (BN) • Datuk R Ramanan (PH) • Encik Mohd Ghazali Md Hamin (PN) • Encik Mohd Akmal Mohd Yusof (Gerakan Tanah Air) • Encik Ahmad Jufli Faiza (Parti Rakyat Malaysia) • Syed Abdul Razak Syed Long Al Sagoff (Bebas) • Cik Nurhaslinda Basri (Bebas)

*Encik R. Sivarasa dari PH memenangi kerusi parlimen Sungai Buloh pada PRU14 dengan majoriti 26,634 undi. Beliau tidak bertanding dalam PRU15.



Tempat ini menjadi tumpuan kerana ia menampilkan presiden Umno dan pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang telah 27 tahun mewakili kawasan ini di parlimen.

Datuk Ahmad Zahid, yang pada September lalu dibebaskan Mahkamah Tinggi daripada 40 tuduhan rasuah melibatkan jutaan ringgit, dianggap oleh sebahagian penyokongnya sebagai calon Perdana Menteri, walaupun beliau sendiri telah menamakan Datuk Seri Ismail Yaakob sebagai calon sedemikian.

Pesaing utama Datuk Ahmad Zahid di sini ialah Datuk Seri Shamsul Iskandar Md Akin, yang telah berkata beliau terperanjat melihat keadaan Bagan Datuk yang tidak dibangunkan buat sekian lama.

BAGAN DATUK, PERAK Jumlah Pengundi: 58,183

CALON: • Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (BN) • Datuk Shamsul Iskandar Md Akin (PH) • Encik Tawfik Ismail (Bebas) • Dr Muhammad Faiz Na'aman (Perikatan Nasional)

*Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dari BN memenangi kerusi parlimen Bagan Datuk pada PRU14 dengan majoriti 5,073 undi.



Dalam beberapa tinjauan yang dilakukan oleh pusat pemikir atau 'think tank' di serata Malaysia, nama Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sentiasa mendahului senarai calon yang dipilih rakyat Malaysia sebagai Perdana Menteri selepas PRU15.

Namun, sebelum beliau mencapai tahap itu, Datuk Ismail perlu mempertahankan kerusi parlimen di Bera, Pahang, yang telah dimenangnya sejak 2004. Namun kedudukan Datuk Ismail dalam Umno dan BN mungkin tidak sekukuh dahulu, selepas beberapa ahli berpangkat Menteri tidak dinamakan sebagai calon di PRU15.

BERA, PAHANG Jumlah Pengundi: 77,669

CALON: • Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN) • Encik Abas Awang (PH) • Cik Asmawi Harun (PN)

*Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dari BN memenangi kerusi parlimen Bera pada PRU14 dengan majoriti 2,311 undi.

Ramalan awal yang dilaporkan media di Malaysia mengatakan kedudukan mantan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin, di Pagoh goyah, walaupun beliau telah memenangi kerusi parlimen di sana sejak enam penggal lalu. Namun, Tan Sri Muhyiddin berkata beliau tidak mepedulikan ramalan itu dan beliau akan terus berkhidmat kepada penduduk di sana itu dan di seluruh Malaysia jika dipilih.

"Tak apalah (jika ada) orang tak suka saya, jika tidak (ada) yang ramal pun, mereka akan kata biar saya kalah. Tidak mengapa, ia sekadar pandangan," kata beliau yang turut merayu kepada penduduk untuk memberinya peluang terakhir untuk menang. Tan Sri Muhyiddin juga telah dinamakan PN sebagai calon bagi jawatan Perdana Menteri.

PAGOH, JOHOR Jumlah Pengundi: 69,939

CALON: • Tan Sri Muhyiddin Yassin (PN) • Datuk Seri Razali Ibrahim (BN) • Iskandar Shah (PH)

*Tan Sri Muhyiddin Yassin dari PH memenangi kerusi parlimen Pagoh pada PRU14 dengan majoriti 6,927 undi. Menyusuli itu, beliau menubuhkan PN pada 2020.



Keputusan Barisan Nasional untuk menggugurkan Datuk Seri Shahidan Kassim sebagai calonnya di Arau, Perlis, mungkin membawa padah, kerana Datuk Shahidan berpengaruh luas bukan sahaja di Arau, malah bagi dua lagi kerusi parlimen di Perlis iaitu di Padang Besar dan Kangar.

Datuk Shahidan kini telah bertukar bendera dan akan bertanding sebagai calon PAS-PN. Bercakap di satu sidang media baru-baru ini, Datuk Shahidan berkata beliau yakin dapat memenangi kerusi parlimen di Arau dengan antara 35,000 dengan 37,000 undi. Perlis, bersama Pahang dan Perak, antara tiga negeri yang akan mengadakan Pilihan Raya Negeri serentak dengan pilihan raya umum. Pengaruh Datuk Shahidan boleh membantu PAS memenangi kerusi parlimen dan juga menubuhkan kerajaan negeri di Perlis.



ARAU, PERLIS Jumlah Pengundi: 69,939

CALON: • Datuk Seri Shahidan Kassim (PN) • Encik Rozabil Abdul Rahman (BN) • Dr Fathin Amelie Fazlie (PH)

*Datuk Seri Shahidan Kassim dari BN memenangi kerusi parlimen Arau pada PRU14 dengan majoriti 4,856 undi. Beliau digugurkan sebagai calon BN pada PRU15, dan kini bertanding di bawah bendera Parti Islam SeMalaysia dan PN